


## ULASAN BUKU



NORZAILINA NORDIN  
**200 resipi pilihan chef**  
Shah Alam : Grup Buku Karangkrak, 2013. 352ms.  
ISBN 978-983-124-919-2

## ULASAN

200 resipi dalam satu buku, amat sesuai untuk dimiliki. Pelbagai resipi istimewa pilihan Chef Selebriti, Norzailina Nordin sangat bermanfaat untuk anda mencubanya sendiri. Melalui buku ini, anda dapat menerokai dunia makanan yang menyelerakan dari aneka jenis masakan mudah disediakan, sedap, sihat lagi berkhasiat. Aneka hidangan ini pasti akan dapat membuka selera anda. Ramai yang beranggapan hidangan seperti laksa, kek keju, puding aiskrim dan sebagainya adalah masakan yang susah untuk dibuat. Namun jika kita selalu mencuba memasak makanan seperti ini ia akan dapat memperbaiki kemahiran memasak.

Buku ini memuatkan 96 resipi makanan lengkap berset untuk membantu anda meningkatkan kesihatan. Makanan utama disajikan bersama hidangan sampingan sebagai pelengkap seperti nasi, sayur-sayuran, lauk-pauk, ulam-ulaman, pencuci mulut dan sebagainya. Hidangan berset ini penuh dengan khasiat dan pasti lazat. Beberapa

masakan barat dan jawa juga boleh dipelajari melalui buku ini.

Buku ini amat berbaloi untuk dimiliki kerana ia tidak hanya fokus kepada satu jenis makanan sahaja, malahan merangkumi variasi makanan baik yang berat mahupun yang ringan, masakan Melayu mahupun fusion dan sebagainya. Dengan adanya buku ini, anda akan dapat memberi kelainan dalam menyediakan resipi yang berbeza-beza setiap hari untuk keluarga dan tetamu anda. Ini adalah kerana buku resipi ini mengandungi sembilan bab yang merangkumi menu daging, makanan laut, sumber karbohidrat, nutrisi dalam sayuran, pemanis mulut, berpantang cara alami, kandungan nutrisi: tinggi dan rendah, cegah penyakit serta sajian istimewa.

Daging merupakan sajian sumber protein untuk membina otot dan memastikan kesihatan menyeluruh tubuh badan. Terdapat pelbagai cara penyediaan daging dan makanan laut dalam buku ini seperti menggoreng, membakar dan merebus. Variasi resipi ayam, daging, ikan, sotong, udang dan ketam yang dikongsi pasti memikat selera apabila disajikan bersama nasi, roti atau makanan ruji lain.

Apa yang menarik mengenai buku ini adalah penulis juga turut berkongsi resipi yang mengandungi "set meals" sesuai untuk mereka yang mempunyai pelbagai jenis penyakit seperti diabetes, jantung, gastrik dan sebagainya. Mereka bukan sahaja dapat menikmati sajian yang lazat di samping mendapat khasiat yang perlu bagi memastikan tubuh sentiasa sihat. Masakan untuk memulihkan luka dan makanan ruji yang menyihatkan bagi menggantikan nasi turut dipaparkan dalam buku ini. Secara tidak langsung, kita dapat mengamalkan pemakanan yang baik untuk mencegah penyakit atau memastikan penyakit tidak melarat. Tidak ketinggalan juga sajian untuk mereka yang berpantang turut disediakan iaitu variasi makanan berpantang cara masyarakat Melayu, Cina dan India.

Kebanyakan daripada kita yang ingin kurus atau mengekalkan bentuk badan, makanan rendah kalori dan rendah lemak adalah yang paling sesuai. Manakala yang mempunyai penyakit jantung, elok memilih sajian tinggi serat kerana ia mampu mengurangkan kolesterol dalam darah. Sementara makanan rendah garam pula sesuai bagi mereka yang menghidap penyakit darah tinggi atau mahu mengelak daripada terkena penyakit


ini. Terdapat juga kategori masakan ikan, makanan laut, kek, biskut, sajian utama dan lain-lain bagi mereka yang ingin mencuba resipi baru. Hidangan mi, kuetiau, bihun, laksa dan seumpamanya memberikan kepelbagaian dalam memenuhi cita rasa. Resipi sayuran, salad dan kerabu juga menyelerakan dan dipelbagaikan agar dapat memenuhi citarasa semua.

Kesimpulannya, buku *200 Resepi Pilihan Chef* ini amat bernilai untuk dimiliki kerana terdapat pelbagai resipi yang mudah dan sesuai bagi kita yang sentiasa kesuntukan masa atau mungkin hanya mempunyai bahan yang minima di rumah untuk menyediakan hidangan yang cepat serta menyelerakan. Resipi yang disediakan tidak melibatkan proses yang rumit dan bervariasi serta dapat memenuhi selera ramai.

**Pengulas:**

***Siti Diana Dahlan***  
Penolong Pengarah  
Bahagian Penyelidikan Perpustakaan  
Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



H.M TUAH ISKANDAR

**Cinta terlarang**

Shah Alam : Grup Buku Karangkrak (Alaf 21), 2013.

298ms.

ISBN 978-983-124-870-6

## ULASAN

*Cinta Terlarang* judul yang diberikan untuk sebuah buku berbentuk motivasi yang saya kira amat sesuai dibaca oleh orang dewasa terutamanya bagi anda yang sedang dilamun cinta terutamanya mereka yang terhalang cintanya. Penulisnya Dr. HM Tuah Iskandar merupakan seorang pakar motivasi dan kolumnis cuba membongkar identiti sebenar cinta seterusnya mencadangkan beberapa alternatif untuk si pencinta agar cinta yang dihajati dapat direalisasikan hingga sampai ke puncak mahligai. Walaupun cinta terlarang sekali pun tetap ada laluan kedua untuk merealisasikannya asalkan ada kesanggupan dan kemampuan untuk melakukannya.

Apakah itu cinta terlarang? Menurut penulis cinta terlarang sangat banyak sekiranya diperhalusi menerusi salasilah keluarga dan perhubungan antara manusia. Namun dalam buku ini penulis hanya membicarakan mengenai laluan kedua kepada orang yang halal bernikah tetapi terpaksa melalui jalan berliku. Contoh yang amat mudah, seorang gadis yang ingin bernikah dengan pilihan hatinya sendiri tetapi ditentang oleh kedua

orang tuanya. Oleh kerana saling mencintai antara satu sama lain namun cintanya dihalang, mereka ini mungkin sanggup melakukan perkara terlarang yang pada fikiran mereka dapat memaksa kedua ibu bapa gadis itu menerima pilihan hatinya. Maka akan terjadilah cinta terlarang.

Dalam buku ini juga penulis banyak menggunakan kisah benar yang dilaluinya sendiri dalam usaha untuk menjelaskan kepada pembaca agar pembaca mudah untuk memahami dan mendapat gambaran sebenar selain menyedarkan mereka yang bermasalah bahawa bukan mereka sahaja yang berhadapan masalah cinta terlarang. Penulis juga berharap dengan perkongsian kisah benar akan dapat membantu para pembaca supaya lebih bersemangat dan berfikiran positif dalam mencari laluan kedua untuk mengharungi cinta terlarang mereka.

Jika diteliti dan diperhalusi, buku ini bukan hanya untuk mereka yang terhalang cintanya malah menjangkau aspek kehidupan yang agak luas. Orang bujang, yang sudah berumah tangga, janda, duda, warga emas juga disarankan untuk membaca buku ini kerana banyak pengajaran yang boleh diambil dan dipelajari supaya kehidupan menjadi lebih bermakna, diberkati dan dipermudahkan.

Pokok pangkalnya, walau bagaimanapun keadaan hidup manusia di muka bumi ini, jika sudah senang jangan lupa mengucap syukur, manakala yang susah jangan cepat berputus asa. Ingatlah Allah S.W.T itu Tuhan semesta alam yang Maha Mengetahui, Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Tetaplah bersandar kepada-Nya, jadikanlah Allah itu laluan yang utama dalam segenap sudut kehidupan untuk menyelesaikan setiap masalah yang dihadapi, nescaya segala yang dikehendakinya terjadi untuk umat-Nya.

Setiap laluan kedua yang disarankan diselitkan dengan pengharapan kepada Allah S.W.T yang tidak putus-putus melalui DUIT - Doa, Usaha, Istighfar dan Tawakal. Hanya dengan mencintai Allah dengan sepenuh hati yang akan membolehkan kita mendapat cinta suci yang kekal sehingga akhir hayat dan akan berterusan sehingga ke akhirat kelak.

Mutiara kata “Andainya kita boleh menghargai apa yang kita miliki sepanjang masa tentu kita akan menjaganya dengan sempurna.” Semoga pembaca yang sedang dan telah memiliki cinta yang diidamkan akan menghargai cinta tersebut dan tidak akan bertindak mengkhianatinya dengan mencari cinta lain dengan cara yang salah iaitu *Cinta Terlarang*.

**Pengulas:**

***Lobo Anak Butup***  
Penolong Pustakawan  
Bahagian Perancangan dan Dasar Korporat  
Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



HILAL ASYRAF DAN AIMAN AZLAN  
**Cerita dari hati : hidup penuh erti**  
Batu Caves, Selangor : PTS Millennia, 2014. 254ms.  
ISBN 978-967-411-223-3

## ULASAN

Buku ini hasil gabungan idea dua orang anak muda iaitu Hilal Asyraf dan Aiman Azlan yang bertema kehidupan manusia berlandaskan ajaran Islam. Kedua-dua penulis ini mengutamakan cerapan idea dan perluasan sudut pandangan Islam iaitu bukan hanya tatacara ibadat, tetapi merangkumi keseluruhan kehidupan. Islam bukan sekadar berkisar kepada hukum semata-mata, tetapi merupakan panduan untuk hidup. Buku ini diolah secara terperinci melalui dua penceritaan iaitu Cerita-Cerita Hidup: Hilal Asyraf yang mengandungi 30 Bab dan Cerita-Cerita Hidup: Aiman Azlan sebanyak 22 Bab.

Hilal Asyraf amat memberi penekanan khusus kepada peranan manusia sebagai khalifah di bumi dan hamba kepada Allah S.W.T serta berlandaskan kesyumulan Islam yang mencakupi semua aspek kehidupan. Akhirat itu adalah destinasi, manakala dunia ini menjadi medan bergadangnya. Walau bagaimanapun, kita sebagai khalifah tidak hanya bergadang sebagai rahib yang terkunci di dalam rumah ibadah semata-mata. Kita adalah khalifah yang perlu berhadapan dengan masyarakat, memimpin mereka dan

mencorakkan dunia mengikut keredhaan Allah.

Di samping itu, penulis juga membicarakan peranan mahasiswa sebagai khalifah melalui empat (4) bab iaitu Mahasiswa dan Ilmu, Mahasiswa dan Masa Hadapan, Mahasiswa dan Masa Lapang, Mahasiswa, Cinta, dan Masa Lapang. Mahasiswa adalah satu lapisan komuniti yang mempunyai potensi yang tidak terhingga. Mahasiswa boleh menjadi pemimpin negara atau pemusnah negara.

Nilai intelek, kreativiti, semangat, dan tenaga yang wujud pada anak-anak muda, bukannya perkara yang perlu dipandang remeh. Seperkara yang menarik adalah supaya mahasiswa melengkapkan diri dengan ilmu melalui pembacaan untuk menjadi generasi Iqra' bermaksud 'bacalah'. Melalui pembacaan mahasiswa tidak mudah lalai dengan arus pemodenan dan akan menjadi manusia yang cerah minda serta bersih jiwanya.

Mahasiswa harus melengkapkan diri dengan ilmu-ilmu yang pelbagai untuk membina kepakaran dalam bidang pengajian yang diceburi supaya menjadi seorang mahasiswa yang cemerlang.

Dunia penulisan pada masa ini semakin meluas sehingga boleh didapati di dalam komputer, internet dan sebagainya. Penulis mengesyorkan supaya karya-karya Islam diperbanyakkan supaya dapat menerangkan betapa cantiknya kehidupan Islam dengan menghidangkan bukti-bukti kukuh akan kebenaran Islam dan hakikatnya adalah perlu dan wajib.

Sementara Aiman Azlan membicarakan tentang cinta Allah S.W.T dan pengabdian diri kepada-Nya. Setiap manusia perlu mempelajari perkara-perkara halal, sunat, harus, makruh dan haram jika cintai Allah S.W.T. Dalam membuktikan cinta kita kepada Allah S.W.T, seseorang muslim itu hendaklah sentiasa mengabdikan diri kepada-Nya dengan berzikir, membaca kalimah-kalimah suci al-Quran dan mengulangi kalimah tauhid *La ila ha illa Allah*.

Jika Muslim itu inginkan syurga, hendaklah meletakkan cita-cita akhirat yang tinggi dan perlu seimbang urusan dunia dan akhirat. Setiap perbuatan perlu keikhlasan kerana



keikhlasan merupakan nilai kepada pengabdian kita kepada-Nya.

Penulis turut memperkatakan tentang ibadah puasa dan sambutan Aidilfitri serta berkongsi pengalamannya semasa bulan Ramadhan di Kanada. Pengalaman berpuasa dan beraya di perantauan memberi pengajaran kepada beliau agar menghargai tanah air sendiri dan segala nikmat Allah S.W.T kepada hamba-Nya.

Penerapan nilai-nilai murni seperti cintakan ibu bapa dan juga guru yang banyak berjasa dalam membentuk seseorang menjadi insan yang berguna serta bermanfaat kepada agama, bangsa dan negara. Bagi memperkukuhkan lagi hujah dalam topik ini penulis telah memberi pendekatan dan contoh berdasarkan kepada cerita-cerita Nabi, sejarah-sejarah Islam, hadis dan ayat-ayat suci al-Quran yang boleh dijadikan panduan hidup kepada semua manusia.

Secara keseluruhannya, buku ini boleh dijadikan bahan bacaan yang amat berfaedah dan bermanfaat bagi muslim dan bukan muslim untuk mengetahui kelebihan dan kebenaran Islam. Selain itu juga dapat menerapkan nilai-nilai murni mengikut landasan agama Islam yang betul dan secara tidak langsung akan melahirkan kehidupan yang penuh erti.

**Pengulas:**

***Siti Shafarah Shamsudin***

Penolong Pustakawan

Bahagian Perancangan dan Dasar Korporat

Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



NOOR HASSIM ISMAIL DAN EMILIA ZAINAL ABIDIN  
**Kesehatan di tempat kerja**  
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014.  
197ms.  
ISBN 978-983-46-0816-3

## ULASAN

*Kesehatan Di Tempat Kerja* adalah sebuah buku yang ditulis oleh Noor Hassim Ismail dan Emilia Zainal Abidin. Buku ini telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2014. Jumlah halaman buku ini adalah sebanyak 197 halaman.

Tempat kerja merupakan salah satu faktor yang penting dalam menentukan taraf kesihatan pekerja. Pekerja memperuntukkan lebih daripada satu per tiga masanya setiap hari di tempat kerja. Oleh yang demikian, keadaan tempat kerja yang baik akan menghasilkan pekerja yang sihat dan bermanfaat kepada keadaan tempat kerjanya, keluarga, agama dan negara. Keadaan tempat kerja yang sihat akan melahirkan generasi yang sihat manakala keadaan tempat kerja yang mudarat akan mendatangkan masalah kepada kesihatan fizikal, mental dan sosial pekerja.

Kemudaratan dari aspek kesihatan yang disebabkan oleh keadaan di tempat kerja juga merupakan antara faktor penting yang perlu diambil berat kerana ia berpotensi

menyebabkan kecacatan yang sementara dan kecacatan yang kekal. Perubahan masa dan peningkatan teknologi yang begitu pesat di tempat kerja menyebabkan pekerja terdedah kepada bahaya yang baharu di tempat kerja.

Buku ini bertujuan untuk memberikan pengetahuan mengenai beberapa aspek yang asas dalam bidang kesihatan pekerjaan. Buku yang mengandungi 23 bab ini menjelaskan secara terperinci tentang sesuatu penyakit, kesan, faktor-faktor beserta dengan gambarajah, jadual, formula pengiraan dan statistik bagi sesuatu kes serta contoh borang penilaian dan borang diagnosis penyakit pekerjaan. Pelbagai pendedahan mengenai punca, kesan dan faktor-faktor yang mengakibatkan sesuatu penyakit di tempat kerja dijelaskan secara terperinci. Dengan ini, pembaca akan dapat gambaran dengan lebih jelas dan dapat menarik minat pembaca untuk membaca buku ini.

Pada permulaan buku ini, ia menyentuh mengenai sejarah perkembangan kesihatan pekerjaan yang bermula Peradaban Zaman Greek dan Rom, Zaman Sebelum Revolusi Perindustrian, Revolusi Perindustrian dan Selepasnya. Kesihatan Pekerjaan di Amerika Syarikat, Agensi-agensi Antrabangsa yang terlibat seterusnya perkembangan sejarah kesihatan pekerjaan di Malaysia.

Buku ini turut menyentuh berkaitan tekanan pekerjaan yang merupakan salah satu isu kesihatan di tempat kerja. Tekanan kerja boleh menyebabkan kemalangan di tempat kerja yang boleh membawa kecederaan, kecacatan atau kematian. Tekanan juga akan menyebabkan pekerja tidak bersemangat melaksanakan tugas, masalah ponteng kerja, pekerja sentiasa bertukar-tukar kerja dan boleh menyebabkan masalah kesihatan seperti darah tinggi dan sakit jantung.

Selain itu, buku ini diolah dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami dan tidak terlalu banyak menggunakan istilah sains yang kadang kala mengelirukan pembaca. Buku ini juga mempunyai bibliografi dan indeks bagi memudahkan pencarian maklumat oleh para pembaca.

Ternyata buku ini amat bermanfaat dan berguna untuk setiap pekerja bagi meningkatkan

ilmu pengetahuan mengenai kesihatan di tempat kerja. Diharapkan buku ini dapat menambahkan pengetahuan pembaca berkenaan bidang kesihatan pekerjaan dan membolehkan pembaca sentiasa mengawasi dan mengambil langkah pencegahan daripada segala faktor yang boleh membawa mudarat di tempat kerja. Semua faktor yang bermudarat yang terdapat di tempat kerja boleh dicegah supaya tidak mendatangkan risiko yang besar kepada pekerja.

**Pengulas:**


***Salwana Fadzil***

Penolong Pustakawan

Bahagian Perancangan dan Dasar Korporat

Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



AHMAD SABRI ABU HASSAN  
**Menu sihat inspirasi Rasulullah**  
Batu Caves, Selangor : PTS Millennia, 2014. 178ms.  
ISBN 978-967-411-143-4

## ULASAN

Apabila bercakap soal makanan sunnah, ia bukan hanya pada bahan yang disebutkan di dalam al-Quran mahupun hadis sahaja, malah lebih daripada itu. Aspek yang dititikberatkan dalam Islam adalah kebersihan dan cara penyediaan makanan. Bermula dari hati, keenakan akan terasa pada makanan dan turut memberi impak pada akhlak dan tubuh badan.

Karya ini dihasilkan oleh penulis juga bertujuan untuk berdakwah sambil menghidangkan menu sihat yang boleh diamalkan mengikut sunnah. Adalah diyakini terdapat rahsia yang tersirat di sebalik bahan-bahan yang disebut di dalam al-Quran dan hadis ini. Namun begitu, ramai yang berkemungkinan kurang mengetahui khasiat bahan tersebut dan bagaimana mengolahnannya di dalam masakan.

Penulis menggarap dalam bahagian awalan pertama dengan melakarkan khasiat makanan Rasulullah S.A.W. menurut al-Quran dan hadis seperti madu, habbatus sauda,

bawang merah, bawang putih, halia, susu, yogurt, keju, barli, gandum, biji sawi, buah zaitun, buah tin, labu, buah tembikai, timun, cendawan, cuka, daun saderi, kulit kayu manis, daging, ikan dan makanan laut, telur, pisang, kurma, anggur, kacang dal dan lada hitam.

Lebih jauh, olahan dalam bahagian ke-2 hingga ke-7 tentang etika makan dan minum, etika dan petua di dapur, adab berziarah dan menerima tetamu serta tidak lupa diselitkan tip kesihatan dan kecantikan yang boleh dijadikan inspirasi.

Pada pengakhiran bahagian buku ini, ia merungkaikan resipi istimewa yang menjadi santapan hidangan yang boleh direalisasikan oleh pembaca. Dengan sokongan gambar yang berwarna-warni dan jelas, menampakkan karya ini signifikan kepada pembaca untuk mendalami ilmu kulinari berlandaskan al-Quran dan sunnah. Penulis juga tidak lupa menitipkan pencapaian beliau yang menjadi kebanggaan di peringkat antarabangsa serta pengalaman pengembaraan bersama rempah ratus di serata benua sebagai Master Chef selama 28 tahun.

Apa yang menarik tentang buku setebal 178 halaman ini ialah penggunaan gaya bahasa yang santai dan mudah difahami. Satu pilihan bacaan yang baik daripada pelbagai jenis buku berkaitan makanan dan masakan berlandaskan al-Quran dan sunnah yang berada di pasaran untuk dijadikan bahan rujukan di perpustakaan mahupun di rumah. Sesuai juga dibaca oleh semua lapisan masyarakat terutama bagi mereka yang berminat meneroka keajaiban makanan sunnah. Penulis juga berharap agar para pembaca dapat memanjangkan lagi dakwah ini kepada sesiapa yang tidak berkesempatan membaca naskhah ini.

Semoga idea menggabungkan bahan-bahan yang diamalkan oleh Rasulullah S.A.W. ke dalam resipi makanan moden, dapat memberikan inspirasi kepada masyarakat bagi mempelbagaikan menu sihat dalam diet seharian mereka.

Secara tuntasnya, buku *Menu Sihat Inspirasi Rasulullah* adalah panduan penyediaan makanan yang praktikal, berguna dan komprehensif yang berteraskan agama dan tujuannya untuk merungkai gabungan bahan-bahan yang diamalkan oleh Rasulullah

S.A.W. ke dalam resipi masakan moden cita rasa Malaysia yang dapat memberikan inspirasi kepada masyarakat bagi mempelbagaikan menu sihat dalam diet seharian mereka. Buku ini mengetengahkan terjemahan ayat-ayat al-Quran dan hadis, kata-kata sahabat R.A. dan pendapat ulama dan dalil atas apa yang dihuraikan.

**Pengulas:**

***Suharti Yusof***

Penolong Pustakawan Kanan  
Bahagian Penyelidikan Perpustakaan  
Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



ZULNAIDI YAACOB  
**Resipi baru berjaya temuduga**  
Batu Caves, Selangor : Must Read, 2013. 152ms.  
ISBN 978-967-0392-43-1

## ULASAN

Menghadiri temu duga boleh diibaratkan seperti menduduki peperiksaan dan ia adalah sesuatu perkara yang selalu memberi tekanan kepada individu. Calon harus bijak semasa sesi temu duga dengan sebaik mungkin meyakinkan panel penemu duga. Penampilan yang kemas daripada segi pakaian dan juga aspek fizikal merupakan bonus kepada individu menghadiri temu duga kerana *first impression* adalah sangat penting dalam meyakinkan panel penemu duga.

Calon perlu membuat persediaan dengan mendapatkan maklumat tentang organisasi, jenis jawatan yang dipohon dan skop tugas yang akan dilaksanakan kerana penemu duga akan menilai sejauh mana kefahaman dan minat calon terhadap organisasi mereka.

Ledakan teknologi maklumat kadang-kadang membantu panel penemu duga untuk menyelidiki latar belakang calon yang hendak ditemu duga melalui media-media sosial



seperti *facebook*, *myspace*, *twitter* dan juga *blog*. Oleh yang demikian calon haruslah berhati-hati memuat naik status di laman-laman media sosial. Jangan terlalu ekstrim dengan sesuatu isu kerana bahasa yang digunakan di media sosial boleh menggambarkan keperibadian seseorang individu.

Penulis buku ini menekankan betapa pentingnya faktor berkomunikasi dengan yakin perlu ditunjukkan semasa sesi temu duga berjalan. Menjawab setiap soalan yang dikemukakan oleh panel penemu duga dengan tenang dan lancar adalah sangat penting untuk meyakinkan mereka dengan kemahiran berkomunikasi yang dimiliki walaupun kadangkala anda mungkin diasak dengan soalan-soalan berbentuk provokasi. Kebiasaanya panel penemu duga akan memulakan sesi dengan bertanyakan tentang latar belakang calon terlebih dahulu sebelum dikemukakan dengan soalan yang berkait rapat dengan jawatan yang dipohon.

Panel penemu duga selalunya akan mengakhiri sesi temu duga dengan bertanya kepada calon, sama ada calon mempunyai soalan yang hendak dikemukakan kepada panel penemu duga. Jangan sesekali menjawab 'tiada', gunakan ruang yang diberi dengan bertanyakan sesuatu tentang jawatan yang dipohon, di samping itu penemu duga ingin melihat kepetahan calon berinteraksi dengan mereka. Selain menjawab soalan yang dikemukakan, calon juga boleh memberi pandangan dengan jelas dan yakin tentang sesuatu isu semasa yang dikupas oleh panel penemu duga.

Calon perlu sentiasa berfikiran positif semasa dipanggil menghadiri temu duga dan jangan sesekali merasa rendah diri dengan kemampuan yang ada. Calon juga perlu menunjukkan kemampuan semasa temu duga dengan menyatakan boleh melaksanakan pelbagai tugas selain skop tugas jawatan yang dipohon. Calon perlu yakin dengan kemampuan diri kerana panel penemu duga kadang-kadang mampu menilai seseorang dengan hanya melihat bahasa badan (*body language*), penampilan dan gaya percakapan calon yang hendak ditemu duga.

Dalam sesi temu duga, hanya terdapat dua kemungkinan utama iaitu berjaya ataupun gagal dan juga berkemungkinan calon diletakkan sebagai calon simpanan, jika calon yang berjaya dalam sesi temu duga menolak jawatan tersebut. Hindari sikap berputus

asa jika anda tidak berjaya di dalam sesi temu duga, cuba mohon pekerjaan lain yang sesuai dengan kelayakan anda yang banyak disiarkan melalui media cetak mahupun elektronik. Semasa sesi temu duga buatlah sebaik mungkin untuk meyakinkan panel penemu duga, yang selebihnya terserah kepada Allah S.W.T yang menentukan.

**Pengulas:**


***Sahril Lariwoo***

Penolong Pengarah

Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan

Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



**Sejarah pergolakan dan pergelutan : Bendahara  
Johor-Pahang 1613-1863**

Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014.  
452ms.

ISBN 978-983-46-1153-8

## ULASAN

Penulis buku ini iaitu Suzana Haji Othman telah banyak mengkaji mengenai Kesultanan Melaka, Johor dan Pahang. Minat beliau terhadap tema sejarah ini mungkin dipengaruhi oleh salasilah beliau dalam keluarga Tun Mutahir, iaitu Bendahara yang memerintah negeri Pahang 1847-1863. Matlamat utama beliau menulis buku ini untuk mendedahkan beberapa peristiwa yang berlaku dalam konteks hubungan Sultan dengan Bendahara pada suatu ketika dahulu, disamping menonjolkan peranan Bendahara sebagai watak penting dalam sistem pentadbiran Kesultanan Melayu.

Latar masa kajian yang diliputi bermula dengan peristiwa Perang Batu Sawar pada tahun 1613 yang dilihat sebagai titik permulaan pergolakan sehingga tahun 1863 yang melihat kepada kehancuran kerajaan Pahang berikutan Perang Pahang untuk berebut takhta Bendahara Pahang. Skop kajian oleh penulis juga merungkai dengan terperinci jurai keturunan Kesultanan Melayu Melaka yang mewarisi pemerintahan di Johor,

Pahang, dan Perak pada hari ini. Susunan fakta penulisan buku ini turut disokong dengan lampiran salasilah keluarga, dokumen perjanjian, transkripsi, gambar-gambar serta rujukan silang kepada hasil kajian terdahulu oleh penulis lain dalam konteks sejarah yang sama. Jawatan Bendahara ditonjolkan sebagai individu yang disegani dan darjatnya setara dengan Sultan. Malah Bendahara akan memangku tugas pemerintahan sekiranya berlaku kemangkatan Sultan yang tidak meninggalkan waris.

Penceritaan cuba menelusuri zaman pergolakan Johor – Pahang dengan membuat tiga (3) bahagian penceritaan. Penekanan diberi kepada zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka sehingga dikenali sebagai pusat perdagangan antarabangsa, sehingga menimbulkan rasa iri hati di kalangan kerajaan lain seperti Majapahit, Siam dan Aceh.

Bahagian menceritakan dengan jelas bagaimana hubungan Sultan dengan Bendahara yang berperanan dalam kestabilan pemerintahan. Penguasaan Portugis yang berjaya menakluk Melaka membawa kepada keuntungan kepada Aceh sehingga muncul sebagai pusat penyebaran ilmu yang ulung. Manakala Bendahara ulung yang dihormati oleh Kesultanan Aceh ialah Tun Seri Lanang. Sikap pemerintah Aceh yang menganggap darjatnya lebih tinggi mengundang konflik dengan Kerajaan Johor sehingga tercetusnya perang.

Kajian keturunan dan salasilah keluarga Bendahara Kerajaan Johor Lama terutama dengan wujudnya konsep kurniaan tanah kepada keluarga Bendahara di Pahang. Ini sekaligus mengangkat Bendahara sebagai pemerintah di Pahang namun berpaksikan kepada Kesultanan Johor Lama yang bertanggungjawab melantik Bendahara selaku wakil Sultan di Pahang. Penulis juga secara kritis membandingkan empat (4) penemuan kajian terhadap salasilah keluarga Bendahara Tun Habib Abdul Majid.

Penulisan bersifat penyelidikan dan menganalisis setiap fakta sehingga kaitan antara Tun Habib Abdul Majid dengan keluarga Bendahara Johor Lama dirungkai menjadi sumber rujukan Sejarah Melayu pada hari ini. Manakala campur tangan Belanda dan Inggeris yang cuba mengabaikan institusi Bendahara dengan berurusan secara terus melalui Laksamana Tun Abdul Jamil nyata tidak disenangi pembesar negeri. Kepercayaan Sultan kepada Laksamana Tun Abdul Jamil cuba diambil kesempatan

dengan memonopoli jawatan utama Kerajaan Johor dengan melantik kaum kerabatnya ke jawatan utama negeri.

Perjanjian Inggeris – Belanda pula dilihat sebagai komplot untuk memecah belahkan Kerajaan Johor Lama dari Lingga, Riau dan Pahang. Perjanjian sulit ini nyata tidak menghormati Kesultanan Johor Lama yang tidak dilibatkan dalam perbincangan. Perjanjian berkenaan juga telah berjaya menguatkan lagi kekuasaan penjajahan tanpa perlu pertumpahan darah. Sebaliknya kedua-dua penjajah banyak menjanjikan imbuhan untuk menguasai pentadbiran Kerajaan Johor Lama.

Dalam buku ini diperlihatkan kronologi perpecahan Kerajaan Johor Lama serta Perang Bendahara Pahang sehingga membawa kepada keruntuhan institusi pemerintahan beraja. Kelicikan Inggeris dalam melaga-lagakan pemimpin-pemimpin yang terbuang dan yang sah dilantik merupakan tunjang utama kepada kehancuran ini. Sikap pemerintah Melayu yang terlalu inginkan jawatan sebagai pemerintah negeri menyebabkan mereka mudah menerima hasutan. Manakala bangsa asing dilihat hanya menunggu peluang untuk campur tangan.

Pemerintah Johor yang enggan bersengketa dengan Inggeris sebaliknya Johor yang diperintah oleh Maharaja Sultan Abu Bakar melantik orang Inggeris dalam pentadbiran negeri Johor. Peluang ini digunakan sepenuhnya oleh Inggeris untuk merencana pentadbiran ala barat yang mengabaikan para pembesar negeri yang lain.

Ketidakstabilan Pahang pula berikutan tuntutan Tun Ahmad terhadap jawatan Bendahara yang pada masa itu disandang oleh Tun Mutahir. Walaupun Tun Mutahir berjaya mengukuh kedudukannya di Pahang sehingga membawa kepada pengunduran Tun Ahmad ke Terengganu dan Kelantan, namun campur tangan awal Inggeris dilihat sebagai punca kepada penerimaan Pahang terhadap sistem Residen. Ini kerana Inggeris berniat untuk menghapuskan legasi keluarga Bendahara di Pahang yang dilihat sebagai ancaman untuk Inggeris mencapai cita-cita menguasai Pahang secara total.

Penulis amat berharap agar suka duka keluarga Bendahara yang terkandung dalam buku ini dapat dijadikan iktibar dan teladan di kalangan masyarakat kita pada hari ini.

Secara umum penulisan buku amat sesuai dibaca oleh generasi muda pada hari agar dapat mengenal Sejarah Melayu dengan lebih dekat.

**Pengulas:**

***Mohamad Zaki Yusof***

Penolong Pengarah

Bahagian Penyelidikan

Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



MOHD YAHYA MOHAMED ARIFFIN  
**Strategi pikat majikan : komunikasi pekerjaan**  
Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2014.  
129ms.  
ISBN 978-983-100-720-4

## ULASAN

Buku ini amat menarik dan berkesan dalam memberi panduan kepada para graduan lepasan universiti dan kolej cara-cara untuk memohon pekerjaan selepas berjaya menamatkan pengajian di institut pengajian tinggi. Cabaran mendapat tempat di hati majikan pada masa kini semakin tinggi kerana para graduan perlu bersaing sesama sendiri untuk menunjukkan pelbagai kemahiran yang mereka ada dalam diri masing-masing. Oleh itu, kemahiran berkomunikasi melalui tulisan perlu diasah untuk memikat bakal majikan agar mereka tertarik terhadap kesungguhan calon untuk menjawat pekerjaan yang bakal ditawarkan.

Buku ini memuatkan pelbagai maklumat hasil beberapa kajian oleh pengarang termasuk fakta iaitu statistik jenis pekerjaan melalui akhbar *New Straits Times* yang menyatakan jenis-jenis pekerjaan mengikut jawatan. Selain memberikan tips-tips yang boleh diaplikasikan oleh para pembaca dalam memohon pekerjaan, pengarang turut

memberikan panduan mengarang surat rasmi memohon jawatan di sesebuah organisasi dan syarikat. Melalui buku ini, pembaca dapat mengetahui bagaimana untuk memikat bakal majikan dari segi gaya penulisan mengarang yang menarik semasa menulis surat memohon pekerjaan.

Pengarang turut menggunakan bahan-bahan rujukan ilmiah bagi menyokong pernyataan dan pendapat beliau didalam penulisan buku ini. Antaranya ialah buku *Communicating at Work, Quality Depends on You* dan buku *Rancangan Malaysia* bagi menyokong penulisannya tentang tawaran kerja oleh sektor awam dan swasta. Di samping itu pengarang merujuk kepada pelbagai jenis bahan rujukan yang memberikan maklumat yang terkini seperti menghasilkan naskah yang menarik seperti buku-buku terbitan dalam dan luar negara, jurnal tempatan, majalah, akhbar dalam negara, teks ucapan dan juga laman web.

Buku ini ditulis secara analisis dan deskriptif dalam penulisannya. Bahasa yang digunakan pengarang amat mudah difahami. Selain itu, pengarang telah mengolah poin-poin penting dengan baik dan pembaca dapat mengaplikasikan penerangan yang dibaca dengan mudah dan dapat difahami.

Perbincangan dalam buku ini berkisarkan pembangunan kerjaya dan pencarian pekerjaan untuk bacaan para remaja yang sedang mencari pekerjaan. Buku ini mengandungi sembilan bab yang diolah mengikut fakta-fakta yang tersusun untuk diketahui oleh pembaca. Pembaca dapat mengetahui bagaimana melihat potensi diri dalam memilih pekerjaan yang sesuai, menghadapi temuduga, menggunakan media massa dalam konteks komunikasi pekerjaan, menulis resume yang baik dan memperbaiki penampilan agar bersesuaian ketika menghadiri temuduga.

Melalui pengalaman membaca buku ini, pembaca pasti mendapat banyak tips-tips untuk merungkai rahsia yang tidak diketahui selama ini tentang bagaimana majikan-majikan di luar sana tertarik dengan calon untuk ditemuduga. Siapa menduga bahawa dengan cara penulisan yang menarik sahaja dapat memikat bakal majikan kita untuk memberi peluang melalui temuduga dan seterusnya berjaya mendapat pekerjaan yang diimpikan. Adik-adik remaja di luar sana pasti tertarik dengan tajuk buku ini yang begitu



meyakinkan serta isi kandungannya yang dapat memberi lebih keyakinan kepada calon dalam menghadapi temuduga yang mendebarkan. Tambahan lagi calon turut dibekalkan dengan contoh resume yang menarik.

Sasaran pembaca ialah kalangan graduan lepasan universiti dan kolej yang mencari peluang pekerjaan yang ditawarkan dalam sektor awam dan swasta. Buku ini juga boleh dijadikan bahan pengetahuan kepada sesiapa sahaja yang ingin mengetahui tentang dunia pekerjaan. Selain itu, para kaunselor dan pegawai-pegawai hal ehwal pelajar di universiti, institut pengajian tinggi dan sekolah juga boleh menjadikan buku ini sebagai panduan dalam membantu dan membimbing para pelajar yang bakal menamatkan pengajian atau persekolahan yang inginkan bimbingan tentang persediaan diri dalam mencari pekerjaan. Buku ini juga boleh dijadikan bahan pengetahuan kepada sesiapa sahaja yang ingin mengetahui tentang dunia pekerjaan.

**Pengulas:**


***Noor Hazwani Warrmal***

Penolong Pengarah

Bahagian Perancangan dan Dasar Korporat

Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



FAIZUL RIDZUAN

**WTF ? 23 hartanah sebelum berumur 30 : sebuah cerita : apa yang dicari? bila dicari? di mana untuk dicari?**

Petaling Jaya : Penerbit Wawasan Nusa, 2013. 184ms.  
ISBN 978-967-5945-27-4

## ULASAN

Sebuah buku sumber inspirasi untuk membuat pelaburan di dalam bidang hartanah. Faizul Ridzuan berasal dari golongan sederhana, dia bukannya datang dari keluarga berada. Hanya memiliki segulung ijazah dalam bidang kejuruteraan komputer. Bermula dengan modal permulaan sebanyak RM2,000 untuk memiliki sebuah apartment di lembah klang adalah mustahil, tetapi buku ini telah menyingkap rahsia tersebut. Dalam usia seawal 30 tahun, penulis berjaya memiliki 23 buah hartanah. Kesedaran yang ada dalam diri penulis di awal usia 20an dengan bertukar kerjaya dari seorang jurutera kepada pelabur dalam bidang hartanah selain mempunyai disiplin diri yang tinggi dengan mengamalkan cara hidup yang sederhana.

Tiada pakaian berjenama, kereta import, percutian ke luar negara dan makan di restoran mewah untuk memastikan beliau berjaya mencapai target untuk memiliki 23 hartanah sebelum mencapai usia 30 tahun. Ia bukanlah satu perkara yang mudah bagi seorang anak muda yang baru mula bekerja di sebuah kota metropolitan. Gaya hidup mewah

merupakan salah satu cabaran yang harus diatasi bagi memastikan beliau dapat mengumpulkan wang bagi membeli hartanah tersebut. Buku ini memberikan 7 kajian kes cara pembelian dan tips-tips untuk memiliki hartanah.

Buku ini juga menceritakan bagaimana penulis berjaya memiliki 23 buah hartanah dalam masa 5 tahun sebelum beliau berumur 30 tahun. Dari seorang jurutera yang bekerja makan gaji, dan seorang yang tidak mempunyai latar belakang dalam bidang hartanah tetapi beliau berjaya mengumpulkan portfolio yang bernilai hampir RM5 juta. Penulis dapat menerima kadar pulangan pendapatan tetap daripada sewaan hartanah yang dibeli dengan pulangan tertinggi sebanyak 16% setahun dan kadar pulangan tunai hasil dari penjualan rumah sebanyak 49% setahun. Penulis juga berjaya memiliki rumah yang mempunyai nilai kenaikan hartanah sekitar 50% - 120% daripada pembelian hartanah kerana lokasi rumah yang strategik dan mempunyai permintaan sewa yang sangat tinggi.

Antara perkara yang perlu dititikberatkan ketika ingin membeli sebuah hartanah (subsale) ialah dengan memastikan hartanah yang dibeli di bawah harga pasaran. Hartanah yang dibeli secara lelongan biasanya dijual lebih rendah daripada harga pasaran. Pastikan rundingan pembelian hartanah tidak dibuat melalui panggilan telefon sebaliknya sesi bersemuka merupakan cara yang terbaik untuk mendapatkan maklumat mengenai hartanah tersebut. Selain itu jangan menunjukkan keterujaan yang terlampau untuk memiliki hartanah tersebut kepada penjual rumah. Cuba untuk membuat penawaran harga yang membolehkan pembeli tidak mengeluarkan wang pendahuluan yang banyak.

Jika ingin membeli hartanah untuk dijadikan sewaan pastikan bayaran bulan pinjaman bank dan juga yuran penyelenggaraan dapat memberikan pulangan yang positif. Ini seolah-olah memberikan gambaran bahawa bayaran ansuran pinjaman perumahan di bayar oleh penyewa tersebut dan bukan pemilik rumah. Bagi meningkatkan pulangan positif kepada hasil sewaan rumah beberapa kriteria seperti keadaan rumah yang bersih dan menarik di samping kelengkapan rumah yang disediakan seperti barangan elektrik seperti penghawa dingin, televisyen, peti sejuk dan ketuhar mikro. Barangan perabot lain seperti sofa, katil dan meja makan juga dapat memberikan nilai sewaan yang tinggi

berbanding rumah kosong yang tidak dilengkapi dengan sebarang alatan.


Proses jual beli rumah memerlukan perkhidmatan peguam. Yuran guaman terbahagi kepada dua perjanjian iaitu perjanjian jual beli dan perjanjian pinjaman dengan institusi kewangan. Jumlah yuran guaman adalah bergantung kepada harga jualan rumah tersebut. Perkhidmatan peguam yang cekap dapat mempercepatkan proses jual beli rumah yang biasanya mengambil masa sekurang-kurangnya 3 bulan. Sentiasa berhubung dengan peguam untuk mengetahui kedudukan proses jual beli rumah tersebut.

Apa yang menarik mengenai buku ini adalah gaya bahasa yang begitu santai dan mudah difahami. Ia bukannya buku teks pelaburan tetapi ia merupakan kisah perjalanan seorang pekerja makan gaji yang telah membina potfolio bernilai jutaan ringgit. Buku ini sesuai untuk anak muda yang baru bekerja dan berminat untuk melabur di dalam bidang hartanah.

**Pengulas:**

***Aznita Abu Bakar***  
Penolong Pegawai Perangkaan  
Bahagian Penyelidikan Perpustakaan  
Perpustakaan Negara Malaysia

## SINOPSIS BUKU



MOHD AZREEN EZAIRY  
MOHAMAD SALLIH  
**55 soal jawab penyakit :  
bersama Dr. Ezairy  
merungkai satu per satu  
permasalahan penyakit**  
Shah Alam, Selangor : Grup  
Buku Karangkrak, 2014.  
245ms.  
ISBN 978-983-124-913-0

Semua orang pastinya mempunyai pengalaman menghadapi cabaran menghidap sesuatu penyakit dalam kehidupan mereka seharian, begitu juga kita. Yang membezakannya ialah sama ada ia merupakan penyakit kronik ataupun tidak. Namun begitu setiap penyakit pasti ada jalan penyelesaiannya atau kaedah penyembuhannya sendiri. Buku ini merupakan paduan dalam memberi penjelasan terhadap ilmu kesihatan kepada orang ramai. Mengambil contoh penyakit yang peratusannya tinggi dalam kalangan rakyat Malaysia sendiri, Dr. Ezairy menjawab satu per satu soalan dengan lengkap beserta jalan terbaik untuk mencegahnya. Antara tajuk yang dibincangkan adalah: Kemandulan seorang lelaki, apa sebabnya?, Lewat dikurniakan zuriat, apa puncanya?, Keguguran penyebab kanser payudara?, Kencing tidak lawas, prostat membesar?, Rawatan terbaik pesakit kencing manis, strok dan kaedah penyembuhannya, Pesakit denggi tidak dirawat di hospital, Rheumatoid arthritis dan kesan-kesannya, Antioksidan membantu elak kanser dan Keistimewaan susu ibu.

## SINOPSIS BUKU



IBNU QAYYIM AL-JAUZIAH,  
MUHAMMAD IBN ABI BAKR

**Ar-roh : hidup selepas  
mati**


Sungai Buloh, Selangor :  
Kemilau Publika, 2014.

399ms.

ISBN 978-967-361-108-9

Buku ini membahaskan mengenai hukum-hukum dan ciri-ciri roh. Penulis membincangkan berbagai-bagai pertanyaan dan persoalan serta mengemukakan pelbagai pendapat dalam setiap persoalan. Juga turut dikemukakan pandangan bagi menguatkan atau mengukuhkan lagi sesuatu pendapat (tarjih) atau menganggap sesuatu pendapat (an-naqs) itu lemah bersandarkan pada manhaj salafnya yang terkenal dalam mengemukakan dalil-dalil daripada al-Quran mahupun as-Sunnah. Terdapat juga pelbagai hadith dan surah yang turut dimuatkan dalam buku ini. Allah S.W.T telah memberikan taufik kepada penulis untuk meneliti kembali berbagai-bagai persoalan, mentakhrij hujah-hujahnya serta menjelaskan perkara-perkara yang masih samar supaya dapat dipersembahkan kepada para pembaca di seluruh dunia Islam dalam format yang lebih menarik.

## SINOPSIS BUKU




RAJA MASITTAH RAJA  
ARIFFIN

**Bahasa & budaya  
masyarakat Melayu di  
Pulau Kokos, Australia**

Serdang, Selangor :  
Penerbit Universiti Putra  
Malaysia, 2013. 214ms.  
ISBN 978-967-344-331-4

Buku ini menyingkap sejarah dan perkembangan bahasa dan budaya Melayu di salah satu tempat di lingkungan luar dunia Melayu, iaitu di Pulau Kokos, Australia. Penutur bahasa Melayu dan pendukung budaya Melayu di situ terdiri daripada masyarakat yang mempunyai hubungan darah atau keturunan dengan dunia Melayu, kerana mereka ialah waris atau diaspora golongan yang melakukan hijrah dari dunia Melayu atas beberapa faktor pada waktu itu. Buku ini turut memperkatakan masa depan bahasa Melayu Kokos, dengan merujuk kepada anjakan bahasa yang berlaku, faktor berlakunya penganjakan bahasa dan usaha yang telah dijalankan untuk tujuan pemeliharaan dan pemulihan bahasa. Buku ini merupakan antara karya yang dapat dijadikan rujukan utama tentang penyebaran dan perkembangan bahasa Melayu di pulau tersebut. Data dan maklumat primer yang dijadikan asas huraian berdasarkan kajian lapangan menjadikan buku ini mempunyai kekuatan ilmiah.

## SINOPSIS BUKU



MOHD EFFENDY ABD.  
WAHID


**Biotechnology application  
and conservation of  
seahorses**

Kuala Terengganu : Penerbit  
UMT, Universiti Malaysia  
Terengganu, 2013. 74p.  
ISBN 978-967-0524-25-2

Seahorses (*Hippocampus* sp.) are highly unusual marine fishes that have provided a focus for global conservation efforts. Their unique body morphology with horse shaped head, large eyes, and prehensile tail has made them charismatic icons for issues such as overfishing, by catch or habitat destruction. Many of their specialized life history traits including male pregnancy, lengthy parental care, small brood sizes, and strict monogamy in most species, low mobility, small home ranges and sparse distribution may make seahorse populations particularly susceptible to anthropogenic disturbance. Although the applications of seahorses among the traditional medicine practitioners have been numerous, yet there are not many scientific studies to verify these applications. Therefore, it is urgent to learn more about this unique creature physiologically and pharmacologically in order to efficiently protect and properly harness this precious species.



## SINOPSIS BUKU



**RUKAYAH AMAN**  
**Buah-buahan hutan**  
**Semenanjung Malaysia**  
Kuala Lumpur : Dewan  
Bahasa dan Pustaka, 2014.  
157ms.  
ISBN 978-983-46-0932-0

Amat penting untuk masyarakat mengetahui dan mengenali buah-buahan hutan yang ada di negara Malaysia. Usaha yang serius dan berterusan perlu dijalankan untuk mengumpul dan memelihara spesis flora dan fauna yang ada di hutan Malaysia kerana ia adalah khazanah negara. Penulis berkongsi ilmu dan pengalaman dalam menelusuri spesis-spesis dan sumber genetik hutan termasuk buah-buahan hutan. Kajian dan pemuliharaan terhadap spesis-spesis khazanah alam perlu diteruskan supaya ekosistemnya tidak diganggu untuk memastikan ianya tidak pupus. Pelbagai pihak yang berkenaan seperti MARDI, UPM, UKM, FRIM dan Jabatan Pertanian perlu berperanan dalam usaha mengekalkan spesis dan sumber alam agar generasi akan datang dapat mengenali dan mengetahui akan kewujudan sumber flora, fauna dan buah-buahan hutan ini.

## SINOPSIS BUKU




AHMAD SOHAIMI LAZIM  
**Dasar dan kesan  
pendidikan Jepun di  
Tanah Melayu 1941-1945**

Kuala Lumpur : Dewan  
Bahasa dan Pustaka, 2013.  
155ms.

ISBN 978-983-46-1159-0

Pemerintahan Jepun di Tanah Melayu selama tiga tahun lapan bulan meninggalkan berbagai-bagai kesan pahit dan manis kepada masyarakat. Kehidupan rakyat ketika itu dipenuhi dengan penderitaan kerana kekejaman mereka. Dasar dan pendekatan tentera Jepun (MMA) di Tanah Melayu bercorak keras dan kasar berbanding dengan cara yang diamalkan oleh British. Jepun berhasrat melaksanakan gagasan Kawasan Sekemakmuran Asia Timur Raya. Bagi mencapai matlamat tersebut serta mendapat sokongan politik daripada rakyat, Jepun melaksanakan dasar pendidikan yang memberikan penekanan kepada pembinaan semangat Jepun (Seishin), selain menitikberatkan latihan kemahiran sebagai asas kepada rakyat berdikari menghadapi kehidupan yang sukar ketika itu. Sistem pendidikan yang diperkenalkan oleh Jepun berbeza daripada sistem British dan mempunyai keunikannya yang tersendiri, walaupun penuh dengan kelemahan dan kekurangan.


## SINOPSIS BUKU



QARADAWI, YUSUF  
**Fatwa untuk wanita**  
Batu Caves, Selangor : PTS  
Islamika, 2014. 110ms.  
ISBN 978-967-366-232-6

Buku ini menghimpunkan beberapa fatwa yang menjawab persoalan penting berkenaan wanita. Dengan berpandukan dalil-dalil daripada al-Quran dan as-Sunnah, fatwa ini dikeluarkan bagi menjaga maqasid syariah demi kemaslahatan ummah. Bahan bacaan ini juga menjawab persoalan daripada individu yang prihatin terhadap hukum agama, keredhaan Tuhan serta pengetahuan perihal halal dan haram. Isu wanita adalah isu kritikal dan mempunyai kesan yang besar. Ini kerana, wanita memainkan peranan penting dalam kehidupan keluarga dan masyarakat. Tanpa wanita yang baik, masyarakat dan keluarga yang baik tidak lahir. Antara persoalan yang dibincangkan dalam buku ini ialah : Adakah suara wanita itu dikira sebagai aurat?, Apakah hukum lelaki melihat wanita dan wanita melihat lelaki? Apakah hukum pergaulan antara lelaki dan wanita?, Apakah hukum lelaki memberi salam kepada wanita?, Apakah hukum wanita menziarahi lelaki dan hukum lelaki menziarahi wanita yang bukan mahram ketika sakit?, Apakah hukum bersalaman antara lelaki dan wanita yang bukan mahram? dan Apakah hukum dan syarat-syarat sekiranya wanita bekerja di luar rumah?


## SINOPSIS BUKU



MOKHTAR SHEIKH  
AHMAD BAJUNID  
**Gagah umpama helang**  
Shah Alam : Grup Buku  
Karangkraf, 2013. 166ms.  
ISBN 978-983-124-8416

Buku ini merungkai cabaran dan dugaan yang dihadapi oleh setiap makhluk yang bergelar manusia dan bagaimana mahu menghadapinya. Hampir setiap kandungan buku ini lahir daripada pengalaman dan kisah-kisah hidup individu daripada pelbagai lapisan masyarakat. Cabaran yang dilalui dengan minda yang positif dan aktiviti yang bermanfaat kepada diri sendiri akan menyebarkan aura positif dan manfaat yang baik kepada orang di sekeliling. Setiap umat Islam yang mengakui kewujudan Allah haruslah berpegang teguh kepada ayat-ayat suci al-Quran dan hadis kerana setiap yang berlaku tidak boleh dipisahkan dari ketentuan-Nya. Setiap perkara yang berlaku ada hikmahnya. Sesungguhnya setiap masalah yang timbul akan menguji kebijaksanaan manusia untuk mentafsir tanpa pandangan yang negatif dan peribadi yang defensif kerana setiap manusia akan didefinisikan melalui cara mereka bertindak dan berfikir.


## SINOPSIS BUKU



SAADAN MAN DAN ZAINAL  
ABIDIN YAHYA  
**Halalkah makanan kita?**  
Batu Caves, Selangor : PTS  
Islamika, 2014. 285ms.  
ISBN 978-967-366-1343

Buku ini mengupas konsep halal dan haram dalam pemakanan daripada aspek agama, kesihatan, dan undang-undang. Buku ini menerangkan kaedah pemilihan makanan yang betul bagi menepati konsep 'halalan tayyiban' yang seharusnya menjadi keutamaan semua umat Islam. Secara umumnya, konsep 'halal toyyiban' bermaksud makanan itu halal, bersih, baik dan selamat dimakan. Ia mengambil kira status sumber makanan, peralatan, cara proses, penyimpanan, pemprosesan, pengangkutan dan kawasan persekitaran yang bebas dari najis dan racun serta mematuhi standard amalan kebersihan. Buku yang dikarang oleh penulis yang banyak melakukan kajian dalam bidang penghalalan diharap dapat menjadi rujukan yang berguna kepada masyarakat Islam secara keseluruhannya dalam menjawab persoalan 'halalan toyyiban'. Ia sekaligus dapat membantu masyarakat Islam memahami serta memilih makanan halal lagi baik sebagaimana yang dituntut oleh Islam. Buku ini juga dapat dijadikan panduan dalam bidang industri halal dan pensijilan halal.


## SINOPSIS BUKU



WEB SUTERA  
**Hijrah champion gaya  
Rasulullah S.A.W**  
Batu Caves, Selangor : Must  
Read, 2014. 208ms.  
ISBN 978-967-0392-93-6

Hijrah berasal daripada kata kerja 'hajara' yang bermaksud meninggalkan, memutuskan atau keluar dari sebuah negeri ke negeri lain. Hijrah Rasulullah S.A.W. bersama sahabat Abu Bakar as-Siddiq adalah satu perintah agung Allah S.W.T. Peristiwa perjalanan Rasulullah S.A.W. mesti dijadikan pengajaran yang perlu diamalkan. Hijrah mempunyai dua pengertian iaitu hijrah secara fizikal dari suatu tempat ke suatu tempat yang lain dan hijrah dengan hati kepada Allah S.W.T. dan Rasul-Nya, atau berubah kepada yang lebih baik. Inilah hijrah hakiki yang menjadi tunjang kepada hijrah jasmani seorang *champion* (juara). Hijrah hati para *champion* bermaksud berubah daripada cinta kepada selain Allah S.W.T. kepada cinta kepada Allah S.W.T., daripada sikap bergantung kepada makhluk kepada berharap kepada Allah S.W.T. Sebagai *champion* perlu atau mesti berhijrah dan tidak harus berada di takuk lama atau menjadi kurang baik selama-lamanya. Buku ini berupa catatan, contoh teladan dan tatacara yang diolah supaya kita berjaya dalam hidup dan kerjaya demi kelangsungan menuju destinasi kekal. Seorang *champion* ingin hidup selesa di dunia dan hidup damai di akhirat.

## SINOPSIS BUKU



NORAINI IBRAHIM-  
GONZALEZ DAN NORAIHA  
NOORDIN

**Interpretasi,  
kejurubahasaan dan  
jurubahasa**

Kuala Lumpur : Dewan  
Bahasa dan Pustaka, 2013.  
230ms.

ISBN 978-983-46-1503-1

Bidang interpretasi atau kejurubahasaan merupakan satu bidang yang masih baru di Malaysia jika dibandingkan dengan negara-negara Eropah dan Asia yang lain. Walau bagaimanapun, bidang ini semakin berkembang di negara ini. Oleh itu, konsep buku ini menjurus pada penyebaran maklumat dan pengetahuan tentang bidang interpretasi, di samping mengkayakan kepustakaan bidang ini dalam bahasa Melayu. Melalui buku ini pembaca akan mendapat gambaran jelas tentang persamaan dan perbezaan utama antara interpretasi dengan terjemahan kerana kedua-dua adalah berbeza walaupun berada di bawah perkara yang sama iaitu penterjemahan. Di samping itu, buku ini turut membincangkan amalan interpretasi di Malaysia, iaitu perundangan (interpretasi mahkamah), komersial (interpretasi persidangan), pentadbiran (interpretasi parlimen) dan kemasyarakatan (interpretasi perniagaan). Walau bagaimanapun, buku ini hanya menyentuh aspek bahasa dari sudut penggunaannya, dan bukan dari sudut linguistik.

## SINOPSIS BUKU



**Isu kontemporari  
komunikasi dan media  
Malaysia**

Shah Alam : Penerbit  
Universiti Teknologi Mara,  
2013. 214ms.  
ISBN 978-967-363-0059

Buku ini memuatkan hasil kajian berkaitan pengajian komunikasi dan media dan ditujukan khas kepada mereka yang ingin mengetahui cara melaksanakan penyelidikan dalam bidang sains sosial di Malaysia. Ia menghimpunkan 10 bab yang membincangkan persoalan berkaitan komunikasi dan media di Malaysia dan cuba melihat pandangan secara menyeluruh, bermula dari sudut tempatan sehingga ke isu-isu global. Buku ini sesuai menjadi rujukan pelajar institut pengajian tinggi, pengamal media dan sesiapa yang akan menggunakan kaedah penyelidikan dalam kehidupan seharian mereka. Kebanyakan bab buku ini menampilkan dua kaedah penyelidikan yang diberikan penekanan iaitu kaedah kuantitatif dan kualitatif. Pembaca diharap akan mendapat manfaat sepenuhnya untuk mengetahui cara melakukan penyelidikan dalam bidang komunikasi dan media meliputi pengajian mengenai kewartawanan, perhubungan awam, periklanan, penyiaran, penerbitan serta pengajian berkaitan kesan media.




## SINOPSIS BUKU



WAN HASMAH WAN  
MAMAT DAN NUR  
MUNIRAH TEOH  
ABDULLAH  
**Kecerdasan pelbagai**  
Kuala Lumpur : Dewan  
Bahasa dan Pustaka, 2013.  
153ms.  
ISBN 978-983-46-1221-1

Teori kecerdasan pelbagai yang diperkenalkan oleh Dr. Howard Gardner dari Universiti Harvard pada tahun 1983 merupakan satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang memberi fokus terhadap jenis kecerdasan yang dimiliki oleh setiap pelajar. Teori ini telah mencetuskan perubahan besar dalam bidang pedagogi pendidikan apabila tumpuan pengajaran dan pembelajaran tidak lagi tertumpu terhadap verbal-linguistik dan logik-matematik semata-mata. Teori ini menegaskan bahawa setiap manusia mempunyai kesemua lapan kecerdasan tetapi dalam adunan yang unik dan sentiasa berubah-ubah. Setiap pelajar terdiri daripada pelbagai latar belakang, kecenderungan, pencapaian, minat serta kebolehan dan potensi yang berbeza. Cara pelajar belajar dan menghayati sesuatu pengajaran dan pembelajaran juga berbeza antara satu sama lain. Kebijaksanaan guru dalam menterjemahkan teori ini kepada pelajar akan memainkan peranan yang penting. Proses pembelajaran pasti menjadi satu pengalaman yang menyeronokkan jika guru dapat mengaplikasikan teori kecerdasan pelbagai dalam pengajaran dan pembelajaran mereka.

## SINOPSIS BUKU




CHEAH, SAW CHENG  
**Kemahiran pad kekunci  
numerik**

Kuala Lumpur : Dewan  
Bahasa dan Pustaka, 2014.  
91ms.  
ISBN 978-983-46-1240-5

Kebanyakan papan kekunci komputer mengandungi pad kekunci numerik yang juga digunakan untuk memasukkan data ke dalam mesin-mesin elektronik seperti mesin daftar tunai, mesin bank, mesin elektronik *point-of-sale* (EPOS), termasuk pelbagai jenis kalkulator. Kemahiran memasukkan data numerik dan kemahiran menaip secara sentuhan dengan betul dan tepat perlu dikuasai. Penguasaan kemahiran pad kekunci numerik ini boleh menjadikan seseorang itu menjadi lebih cekap daripada orang yang perlu memandang pad kekunci ataupun mengetuk semua kekunci menggunakan satu atau dua jari sahaja. Objektif umum modul ini ialah mengajar dan memperkembangkan kompetensi menggunakan pad kekunci numerik komputer. Seterusnya ia dapat memperkembangkan tahap kepantasan dan ketepatan menaip supaya dapat mengaplikasikan kemahiran menaip dengan berkesan dalam pelbagai situasi semasa menginput data.

## SINOPSIS BUKU



ZARINA ZAKARIA  
**Kenali bioteknologi**  
Kuala Lumpur : Dewan  
Bahasa dan Pustaka, 2014.  
108ms.  
ISBN 978-983-46-0714-2

Bioteknologi sering diperkatakan sama ada di peringkat nasional mahupun di peringkat global pada ketika ini. Buku ini memberi pengetahuan kepada pembaca mengenai bidang bioteknologi dan disampaikan dalam bentuk mudah untuk difahami terutama dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Buku ini menerangkan dengan jelas takrifan bioteknologi, pengelasan dan bidang-bidang bioteknologi serta kegunaannya. Oleh kerana bioteknologi melibatkan organisma hidup terutama pada peringkat yang paling kecil iaitu sel, penulis menjelaskan tentang sel, komponen sel dan aktiviti yang berkaitan. Buku ini juga menyenaraikan teknik dalam bioteknologi dan bagaimana ia digunakan sehingga menghasilkan produk yang memberi manfaat kepada manusia. Bagi memudahkan pemahaman pembaca, penerangan secara ringkas tentang setiap teknik berserta contoh telah diberikan. Pembaca seolah-olah dibawa oleh penulis ke alam realiti mengenai status bidang bioteknologi di Malaysia. Buku ini turut memberikan penjelasan tentang bidang bioteknologi daripada perspektif Islam dan fakta-fakta menarik turut dimuatkan untuk menambahkan pengetahuan pembaca.

## SINOPSIS BUKU



**ANUAR ITHNIN**  
**Keselamatan dan**  
**kesihatan pekerja**  
**makmal perubatan**  
Kuala Lumpur : Dewan  
Bahasa dan Pustaka, 2014.  
224ms.  
ISBN 978-983-46-0918-4

Buku ini ditulis berasaskan pengalaman penulis selama 16 tahun bertugas di makmal perubatan dan hasil kajian doktor falsafah, PHD. Perkhidmatan makmal perubatan merupakan satu elemen penting yang menggerakkan sektor perubatan negara. Makmal perubatan di negara kita melakukan kira-kira 240 juta ujian setahun atau bersamaan 650 000 kali sehari. Pekerja di makmal perubatan sentiasa terdedah kepada pelbagai jenis bahaya memandangkan kekerapan mereka mengendalikan spesimen klinikal. Oleh itu, perkhidmatan di makmal perubatan memerlukan Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (PKKP) yang khusus untuk mengurangkan risiko bahaya yang mereka hadapi. Buku ini ditulis berasaskan pemerhatian berhubung dengan permasalahan yang dihadapi dalam PKKP dan menjelaskan apa-apa kekurangan yang perlu diatasi.


## SINOPSIS BUKU



MUHAYA HJ MOHAMAD  
**Mata akal mata hati**  
Kajang, Selangor :  
AsSohwah , 2013. 118ms.  
ISBN 978-967-0466-04-0

Buku ini menyeru kita untuk tidak hanya celik mata fizikal, tetapi berusaha untuk celik mata hati bagi mengubah keadaan sekeliling. Namum begitu, seseorang itu perlu mengubah keperibadian diri dari segi zahir dan batin terlebih dahulu, sebelum mengharap orang di sekeliling berubah. Setiap bab di dalam buku ini membolehkan seseorang itu mengenal dirinya dan memperbaiki diri sendiri ke arah yang lebih baik. Minda yang mengawal tindak-tanduk manusia pula perlu digunakan untuk sentiasa berfikiran positif agar dapat menguatkan diri. Ramai orang yang menyalahgunakan mindanya dengan berfikir perkara-perkara negatif, takut untuk bertindak dan mengalah sebelum berjuang. Mengikut kajian yang telah dilakukan, apabila kita berfikiran negatif, maka kita akan menjadi lemah. Sebaliknya jika berfikiran positif, ia akan menguatkan diri seseorang. Hapuskan semua pemikiran negatif yang bersarang dalam minda dan berfikir serta bertindak secara positif. Kejayaan ada di mana-mana selagi kita berusaha, berdoa dan bertawakal kepada-Nya. Itu janji Allah S.W.T. kepada hamba-Nya. Buku ini dapat memberikan inspirasi baru dalam hidup kepada pembaca.

## SINOPSIS BUKU



TALIB SAMAT DAN AZHAR  
WAHID


**Menelusuri perjuangan  
tiga tokoh pahlawan  
(Rawa) Pahang : Tok  
Shahrom, Tok Gajah Dan  
Mat Kilau**

Tanjung Malim, Perak :  
Penerbit Mentari, 2013.  
364ms.

ISBN 978-967-0626-11-6

Perjuangan pahlawan berketurunan Rawa di Pahang yang menjadi kebanggaan masyarakat Melayu memberi ilham kepada penulis sebagai bahan kajian supaya dapat dikongsi dengan masyarakat pembaca. Bermula dengan kajian mengenai etnik Rawa, asal usul, dan faktor kedatangan mereka ke Tanah Melayu. Perbincangan difokuskan kepada Tok Shahrom, Tok Gajah, dan Mat Kilau. Mengenali Mat Kilau sebagai anak kepada Tok Gajah daripada isteri ketiganya Teh Mahada binti Tuk Kaut yang telah mempunyai ciri-ciri kepahlawanannya sejak dari kecil lagi. Sebagai mengingati jasa dan pengorbanan pahlawan ini pelbagai kaedah perlu dilaksanakan supaya masyarakat Islam Melayu tidak melupai dan sentiasa bersemangat dengan semangat jati diri. Kecintaan pahlawan tiga serangkai ini terhadap agama, bangsa dan negara memang tidak dapat diukur, sedia berkorban jiwa raga demi mempertahankan maruah Tanah Melayu dari dicerobohi bangsa asing. Buku ini akan menyuntik rasa bangga, bersemangat dan bermotivasi kepada pembacanya.


## SINOPSIS BUKU



**Nasihat buat hamba Allah**  
Batu Caves, Selangor :  
Pustaka Al-Ehsan, 2014.  
419ms.  
ISBN 978-967-0482-40-8

Islam menyeru umatnya untuk berusaha mencapai kejayaan di dunia dan yang utama di hari akhirat agar sentiasa berada di bawah naungan redha Allah S.W.T. Buku yang diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia ini telah membuka peluang kepada umat Islam di Malaysia untuk mendapatkan ilmu pengetahuan yang cukup banyak kepada pembaca. Ulasan dibahaskan berpandukan kepada hadis untuk menguatkan keyakinan kepada para pembaca. Mengandungi nasihat dan ingatan yang berpasang-pasangan dalam maqalah nasihat kategori dua perkara; tiga perkara dan seterusnya sampai kepada bentuk nasihat kategori sepuluh perkara. Pelbagai nasihat dan peringatan yang dapat diambil untuk membantu pembaca menikmati kehidupan harian dengan lebih baik dan sejahtera. Sesibuk mana pun kita carilah masa untuk membaca buku ini kerana “sebaik-baik kesibukan adalah taat kepada Allah S.W.T. dan kematian merupakan pelajaran yang terbesar”.

## SINOPSIS BUKU




GHAZALI DAIMIN  
**Penjenamaan**  
Shah Alam, Selangor :  
Penerbit UiTM Press, 2013.  
79ms.  
ISBN 978-967-363-481-1

Penjenamaan ialah satu proses yang dapat mewujudkan persepsi dan pengalaman yang tersendiri dan kadangkala secara berterusan dalam minda pengguna berkaitan dengan satu produk atau perkhidmatan. Komponen utama yang dibincangkan dalam buku ini iaitu jenama, penjenamaan serta penjenamaan semula. Pemahaman ketiga-tiga komponen ini pada hakikatnya memberi maksud yang berbeza walaupun perkataan asalnya ialah jenama. Masyarakat selalu memperkatakan penjenamaan terhadap sesuatu produk atau perkhidmatan, namun mereka masih tidak memahami cara serta kaedah yang perlu dilakukan apabila hendak menjalankan proses penjenamaan dipraktikkan. Mereka yang terlibat dalam industri perniagaan perlu memahami elemen penjenamaan yang akan membantu meningkatkan jualan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan dalam pasaran. Penjenamaan akan membantu pemasaran barangan atau perkhidmatan dalam pasaran. Penjenamaan juga menitikberatkan proses 'menjual' jenama sesuatu barangan atau perkhidmatan kepada pembeli dan akan memastikan jenama tersebut diingati oleh pengguna.




## SINOPSIS BUKU



MUHD YUSOF IBRAHIM  
**Penulisan rencana dalam  
akhbar dan majalah  
Melayu 1900-1950 : wanita**  
Kuala Lumpur : Dewan  
Bahasa dan Pustaka, 2014.  
149ms.  
ISBN 978-983-46-1479-9

Merupakan siri kedua kepada *Penulis Rencana Dalam Akhbar Dan Majalah Melayu 1900-1950*. Siri kedua ini lebih memfokuskan kepada pemikiran dan idea-idea yang berkaitan permasalahan wanita, bentuk dan sejarah perkembangannya, serta perjuangan wanita dalam membantu memperoleh kemerdekaan negara. Pemikiran intelektualisme yang dihasilkan dalam tempoh 50 tahun itu dilahirkan dalam bentuk penulisan akhbar dan majalah Melayu yang menyentuh pelbagai isu dan ilmu pengetahuan yang dirasakan penting untuk dibicarakan, dibincangkan, dipaparkan, malah dihujah serta dibahaskan. Golongan intelektual ini telah menggunakan saluran akhbar dan majalah dalam penyebaran isu dan ilmu pengetahuan kerana media tersebut lebih cepat khalayak pembacanya menerima atas faktor kekerapan terbitannya. April 1928, rencana bersiri terawal yang diterbitkan tentang wanita dengan judulnya 'Apakah Dia Perempuan Itu?' tulisan al-Jauhari dimana penceritaannya menggambarkan tentang sifat, tabiat, fikiran dan emosi yang memberi perbezaan dengan lelaki. Setiap wanita tidak seharusnya melepaskan peluang untuk membaca buku yang penuh dengan ilmu pengetahuan ini.

## SINOPSIS BUKU



NOOR AFZA AMRAN,  
MASANITA MAT NOH,  
NATRAH SAAD, NORHANI  
SAAD DAN NORHANI  
ARIPIN

**Perakaunan perniagaan :  
pendekatan mudah**

Sintok, Kedah : UUM Press,  
2013. 169ms.

ISBN 978-967-0474-55-7

Buku ini disediakan bagi memberi manfaat kepada para pembaca yang ingin mengetahui asas perakaunan dan catatan perakaunan dengan cara yang mudah dan senang difahami. Buku ini menerangkan secara umum tentang definisi perakaunan, cabang perakaunan, kitaran dan dokumen perakaunan. Ini disusuli dengan kupasan konsep asas perakaunan yang memfokuskan persamaan perakaunan, catatan bergu dan analisis urus niaga. Proses catatan perakaunan yang meliputi penyediaan jurnal, lejar, imbalan duga dan penyata kewangan turut dibincangkan. Seterusnya, buku ini memperincikan tentang penyediaan penyata pendapatan yang meliputi pendapatan, perbelanjaan, akruan, untung dan rugi. Penyediaan lembaran imbalan yang menjurus kepada kepentingan, elemen dan pelaporan kewangan perniagaan serta penyediaan dan pentafsiran penyata aliran tunai turut dibincangkan. Aspek lain yang turut dibincangkan ialah analisis penyata kewangan, belanjawan sebagai alat perancangan serta sistem perisian perakaunan.

## SINOPSIS BUKU



MUHAMMAD RIYADH  
GHOZALI LUBIS DAN  
MUHAMMAD ROZA AULIA  
LUBIS

**Prinsip wang dan kadar  
pertukaran asing**

Kuala Lumpur : Dewan  
Bahasa dan Pustaka, 2014.  
523ms.

ISBN 978-983-46-1155-2

Wang diibaratkan nyawa bagi menggerakkan ekonomi antara negara serta integrasi ekonomi secara global. Wang menarik untuk dipelajari kerana melibatkan keperluan bagi aktiviti ekonomi, tidak hanya bagi masyarakat awam dan perbankan sahaja, malahan bagi autoriti monetari. Buku ini mempersembahkan satu rangkaian kesusasteraan berkenaan wang dan kadar pertukaran asing. Penjelasan disampaikan secara mudah untuk membantu serta menambah pengetahuan pelajar tentang dua tajuk utama iaitu wang dan kadar pertukaran asing. Pelajar mahu pun pembaca akan memperolehi pengetahuan dan pemahaman asas bagi mengkaji keadaan dinamik kadar pertukaran asing dengan lebih mendalam lagi. Seterusnya akan dapat melengkapkan diri pelajar dan pembaca bagi memahami isu-isu yang lebih besar yang melibatkan dunia kadar pertukaran asing. Turut disertakan beberapa soalan dalam bentuk konsep dan pengiraan kuantitatif yang akan memudahkan pembaca dalam memahami perbincangan dalam setiap bab. Pengakhiran buku ini juga dilengkapi senarai istilah-istilah penting yang berkaitan dunia kewangan bagi tujuan rujukan para pembaca.

## SINOPSIS BUKU




**Program pembangunan insan : modul pendidikan & bimbingan (Pemasyarakatan konsep 1 Malaysia)**

Kajang, Selangor : Seksyen Pemulihan dan Rawatan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia, 2013. 163ms.  
ISBN 978-967-120-1503

Modul ini dibangunkan bertujuan untuk meningkatkan kualiti bahan pembelajaran untuk program pemulihan penghuni di seluruh Pusat Pemulihan Pemasyarakatan di kem-kem tentera. Pendekatan psikososial yang digunakan dalam modul ini diharap dapat memberi bimbingan dan pendidikan kepada penghuni agar mereka mendapat pendedahan yang jelas berkaitan kesan jenayah yang dilakukan. Modul ini juga bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan membentuk sikap yang positif dalam memulih serta merawat penghuni penjara. Melalui aktiviti yang disediakan, penghuni akan dapat melalui satu pengalaman baharu dalam membaiki diri dan seterusnya mengekalkan tingkah laku kepulihan. Modul ini mempunyai 8 sub modul iaitu Muhasabah Diri, Pengurusan Diri, Kekeluargaan, Kemasyarakatan, Kenegaraan, Kerohanian, Moral, Kerjaya dan Kebudayaan.


## SINOPSIS BUKU



MOHAMMAD ROSNI  
OTHMAN, MOHD NAIM  
FADZIL AND NIK  
MUHAMMAD ASLAAM  
MOHAMED ABDUL GHANI  
**Safety management in the  
domestic shipping  
operation : the standard  
manual and procedures**  
Kuala Terengganu : Penerbit  
UMT, 2013. 230p.  
ISBN 978-967-0524-22-1

A new safety management structure stipulated in this manual explains the safety structure system of shipboard and shore base safety management as well as the cause of health and safety problems and its solutions. This manual educates readers in the steps of safety management procedures with clear explanations that guide and support the reader to make an accurate decision related to the safety process. In this manual, readers are given a solid foundation in the implementation process of safety management, knowledge of issues and techniques related to the maritime safety, administration, shipping management and operation of ships. This manual successfully describes the safety issues that need to be considered, the steps that need to be taken and appropriate safety measures to accomplish safety actions.


## SINOPSIS BUKU



ABDUL RAHMAN EMBONG  
**Sastera, politik dan masyarakat**  
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014.  
317ms.  
ISBN 978-983-46-1576-5

Buku ini terdiri daripada himpunan esei yang dihasilkan oleh penulis pada tahun 1960-an, 1990-an dan pada tahun 2000 yang tersiar dalam majalah Dewan Bahasa, Dewan Masyarakat, Dewan Sastera dan Dewan Budaya. Buku ini dimulakan dengan pendahuluan yang menghuraikan konsep dan hujah-hujah utama buku ini. Selain itu, kumpulan esei ini disusun menurut dua tema yang berlainan tetapi berkaitan, iaitu “Sastera, Masyarakat dan Nasionalisme” serta “Politik, Perkembangan Serantau dan Imperialisme Baharu”. Kedua-dua tema ini sedikit sebanyak memberikan kesepaduan dan ikatan kepada esei-esei tadi. Turut dibincangkan persoalan masyarakat, mahasiswa Malaysia di luar negara, khususnya di Britain, ketidaksamarataan dalam sistem pelajaran, isu kelas dan kaum dan perkembangan politik serantau dan antarabangsa serta kaitannya dengan Malaysia dan umat Islam dan perlunya budaya persaingan dalam menghadapi cabaran globalisasi. Pelbagai idea yang digarap dalam esei tersebut mencetuskan pemikiran dan renungan tentang perkembangan dalam bidang sastera, pemikiran sosial dan politik tanah air serta perkembangan serantau yang bermanfaat untuk mahasiswa, penulis dan masyarakat umum hari ini.

## SINOPSIS BUKU



MOHD MAKZAN MUSA  
**Seni lukis Kedah Darul  
Aman**


Kuala Lumpur : Dewan  
Bahasa dan Pustaka, 2014.

266 ms.

ISBN 978-983-46-1158-3

Buku ini merupakan satu-satunya buku yang bersifat kewilayahan. Kandungan buku ini lebih kepada perkembangan dan kegiatan bidang seni lukis moden Kedah yang mula bergiat pada dekad 1940-an sehingga dekad pertama alaf 2000. Ruang lingkup buku ini mengetengahkan tokoh pelukis ternama dan terbilang dari Kedah menerusi karya-karya seni lukis dan arca seni. Kegiatan seni kreatif pelukis Kedah menjadikan bidang seni lukis sebahagian dari aspek kesenian dan kebudayaan yang penting di Kedah. Kandungan buku ini turut diperincikan dengan menjurus secara langsung kepada aspek psikologi kreatif seniman pelukis perintis, pelukis prolifik serta pelukis kontemporari negeri Kedah.

## SINOPSIS BUKU



AZALINDA MAT SAAD,  
HALIMATON SA'ADIAH  
SA'DON DAN SHAMSURI  
ABDULLAH


### **Sistem komputer**

Kuala Lumpur : Dewan  
Bahasa dan Pustaka, 2014.  
77ms.  
ISBN 978-983-46-0839-2

Penggunaan komputer telah mengubah cara manusia bekerja, berhubung dan belajar. Saiz komputer yang semakin mengecil, kelajuan pemprosesan yang semakin singkat serta kos pengeluaran yang semakin menurun meningkatkan penggunaannya dalam setiap bidang dan lapisan masyarakat. Melalui internet, dunia semakin kecil dan implikasi globalnya semakin menyerlah. Kini, masyarakat boleh berhubung, belajar dan melakukan urusan jual beli secara maya walau di mana sahaja mereka berada. Di sebalik itu, pengetahuan asas tentang komputer perlu dimiliki oleh semua orang. Perkakasan, perisian, pengurusan fail, tatacara menginput teks dan data menjadi aspek asas yang perlu difahami. Penggunaan komputer melibatkan isu-isu etika, keselamatan, kesihatan serta ergonomik yang memberi kesan terhadap kehidupan manusia. Ringkasnya, pengetahuan tentang sistem komputer dan penggunaannya memberikan asas yang kukuh bagi memahami teknologi komputer yang semakin cepat berkembang dan berubah.




## SINOPSIS BUKU



CHUA, WILSON H.P.  
**Tanaman unik : koleksi 1**  
Kuala Lumpur : Dewan  
Bahasa dan Pustaka, 2013.  
132ms.  
ISBN 978-983-46-0695-4

Penulisan buku ini berdasarkan minat dan hobi mendalam penulis dalam mengumpul spesies-spesies flora yang agak unik. Pengetahuan dan maklumat yang diperolehi oleh penulis turut boleh dikongsi dengan pembaca mahu pun peminat tanaman unik yang agak kekurangan maklumat seperti teknik penanaman dan kaedah perawatan tanaman jenis ini. Aktiviti menanam dan mengumpul tanaman unik merupakan suatu hobi yang menyeronokkan dan memberi kepuasan kepada penggemarnya. Ini kerana keistimewaannya yang secara semula jadi tumbuhan ini memperlihatkan ciri-ciri kelainan sama ada dari segi rupa bentuk, warna, corak hidup mahu pun kegunaannya. Buku *Tanaman Unik Koleksi 1* yang diserikan dengan gambar-gambar tanaman yang berwarna-warna ini memperkenalkan 12 spesies tanaman unik tempatan dan juga luar negara yang merupakan antara koleksi penulis sendiri. Sebilangan besar daripada tumbuhan ini telah ditanam secara komersial, sementara sebahagian kecil lagi masih dianggap baru namun berpotensi besar untuk diperkenalkan sebagai tanaman hiasan alternatif pada masa akan datang. Buku ini sesuai dijadikan panduan kepada pembaca yang berminat untuk menghasilkan pesona alam flora yang penuh keunikan di halaman rumah sendiri.

## SINOPSIS BUKU



AZLAN SHAH ALI  
**Teknologi dan pengurusan  
penyelenggaraan  
bangunan**

Kuala Lumpur : Penerbit  
Universiti Malaya, 2013.  
116ms.  
ISBN 978-983-100-698-6

Secara umumnya buku ini mengandungi maklumat berkenaan teknologi serta pengurusan dalam melaksanakan kerja penyelenggaraan sesebuah bangunan. Buku ini secara umumnya bertujuan untuk mengetengahkan tentang teknologi penyelenggaraan terkini yang boleh diaplikasikan dalam setiap aktiviti penyelenggaraan bangunan yang dilaksanakan. Dengan penggunaan teknologi yang bersesuaian, bangunan yang diselenggara dengan sistematik akan dapat berfungsi dengan baik di samping pengurangan kos keseluruhan dalam jangka masa panjang akan dapat dicapai. Buku ini juga menerangkan tentang pelaksanaan kerja penyelenggaraan yang berkesan yang dihadapi oleh pemilik bangunan atau kontraktor yang dilantik untuk menjalankan kerja penyelenggaraan. Perancangan pengurusan yang tepat amat penting sebelum kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan agar masa dan kos tidak dibazirkan. Dengan ertikata lain, pendekatan buku ini adalah berteraskan gabungan amalan praktikal dan teori. Buku ini sesuai dijadikan bahan rujukan kepada pelajar sekolah serta penuntut universiti, pemilik bangunan, pihak berkuasa tempatan mahupun pihak yang terlibat secara langsung dalam kerja penyelenggaraan bangunan.


## SINOPSIS BUKU



OSMAN AYOB  
**Tembok masih tinggi**  
Kuala Lumpur : Institut  
Terjemahan & Buku  
Malaysia, 2014. 283ms.  
ISBN 978-967-430-423-2

Buku ini menghimpunkan 26 buah cerpen yang digarap oleh Osman Ayob dari tahun 2007 hingga tahun 2012 yang menyentuh kehidupan manusia sama ada dalam negara mahupun luar negara. Cerpen di dalam buku ini menghimpunkan sensitiviti dan pengalaman penulis daripada pemerhatiannya kepada setiap peristiwa yang berlaku di persekitarannya. Antara isu yang menjadi topik utama penulisan cerpen ini adalah mengenai kekejaman rejim Zionis yang bertindak ganas terhadap Gaza, politik dalam negara terutamanya yang melibatkan gelagat para politikus yang sanggup melakukan apa-apa sahaja demi kesinambungan kedudukan, pengaruh dan kuasa, Selain itu penulis juga meluahkan perasaan dan pandangannya terhadap persoalan sosial, lewat beberapa buah cerpen dalam kumpulan ini, dan juga nasib bahasa Melayu.

## SINOPSIS BUKU




AD-DARIMY, ABU SYEKH  
ABD AZIZ

**Thaharah al-Qulub :**  
**hakikat kesucian hati**  
Batu Caves, Selangor :  
Pustaka Al Ehsan, 2014.  
407ms.  
ISBN 978-967-0482-25-5

Thaharah bermaksud kebersihan atau kesucian manakala Al-qulub membawa maksud hati. Jelasnya judul buku *Thaharah Al-Qulub* adalah bererti kebersihan atau kesucian hati. Rasulullah S.A.W bersabda: *“Ketauhilah bahawa di dalam tubuh manusia itu ada segumpal daging. Bila ia baik, maka baik pulalah seluruh tubuh. Dan apabila ia rosak, maka rosak pulalah seluruh tubuh. Ketauhilah daging itu adalah hati.”* (HR. Al-Bukhari dan Muslim). Hati dapat diperincikan kepada tiga keadaan, iaitu hati yang sihat, hati yang mati dan hati yang sakit. Hati yang sihat juga disebut dengan hati yang selamat iaitu hati yang selalu menerima, mencintai dan sentiasa mendahulukan kebenaran. Pengetahuannya tentang kebenaran benar-benar sempurna dan selalu taat dan menerima sepenuhnya. Hati yang sihat atau selamat didefinisikan sebagai hati yang bebas dari setiap syahwat dan keinginan yang bertentangan dengan perintah Allah. Sedangkan hati yang mati atau keras adalah hati yang tidak mahu menerima dan tidak taat kepada kebenaran. Yakni hati yang tidak mengenal siapa Rabbnya. Ia tidak beribadah kepada-Nya dan ingkar menjalankan perintah-Nya. Hati seperti ini sentiasa bersama hawa nafsu dan kenikmatan duniawi, walaupun dibenci dan dimurkai oleh Allah S.W.T.


## SINOPSIS BUKU



**Variasi bahasa Melayu**  
Kuala Lumpur : Dewan  
Bahasa dan Pustaka, 2013.  
243ms.  
ISBN 978-983-46-1538-3

*Variasi Bahasa Melayu* yang dibincangkan dalam buku ini adalah dari sudut dialek geografi, dialek sosial, slanga, pijin, kreol, laras, jargon dan sebagainya. Sebelum mendalami akan bacaan buku ini, pembaca perlu mengetahui definisi setiap variasi bahasa Melayu tersebut seperti maksud kreol iaitu sejenis bahasa hibrid atau kacukan yang digunakan dalam konteks pertembungan manusia yang datang daripada latar belakang kaum atau keturunan yang berbeza. Turut membicarakan variasi kacukan bahasa Melayu dengan bahasa lain apabila pertembungan dengan penutur bahasa atau dialek yang berbeza, maka berlakulah pembauran unsur dua atau lebih bahasa. Selain itu penulis mengajak pembaca mengenali variasi fonologi dalam sesebuah variasi bahasa Melayu.

## SINOPSIS BUKU




**NORHAFIZAN WAN PANI**  
**Variasi mengait untuk si comel : langkah demi langkah mengait untuk si comel**

Shah Alam, Selangor :  
Grup Buku Karang kraf,  
2013. 202 ms.  
ISBN 978-983-124-907-9

Buku *Variasi Mengait Untuk Si Comel* memaparkan bentuk-bentuk mengait barangan dan aksesori bayi dengan mudah. Ia juga memuatkan cara mengait pakaian bayi menggunakan benang bulu secara terperinci dan jelas. Terdapat sepuluh paten yang pembaca dapat pelajari dengan naskah ini kerana mengandungi langkah demi langkah mengait pakaian dan aksesori untuk si comel. Terdapat paten yang menarik dan sesuai digayakan untuk si comel. Kini pembaca boleh buat sendiri baju, topi, sarung tangan bayi dan lain-lain dengan menggunakan panduan yang dipaparkan di dalam naskah ini. Mengait pakaian bayi menjadi lebih mudah kerana setiap langkah yang dipaparkan dengan gambar yang jelas dan keterangan lengkap. Bagi yang gemarkan kelainan, pembaca boleh mencipta sendiri paten mengikut corak yang digemari. Buku ini boleh dijadikan sebagai teman rujukan untuk menghasilkan pakaian bayi.

## SINOPSIS BUKU



OTHMAN TALIB  
**Zero draft of thesis :**  
**teknik penulisan proposal.**  
**Ed. bahasa Melayu**  
Bandar Baru Bangi,  
Selangor : MPWS Rich  
Resources, 2014. 110ms.  
ISBN 978-967-12021-4-2

Buku ini ditulis sebagai bahan rujukan kepada peserta bengkel Penulisan Cepat Tesis dan Pengurusan Artikel dengan Mendeley yang dikendalikan oleh penulis. Di dalam buku ini dibincangkan mengenai teknik yang efisien untuk penulisan tesis dengan *navigation pane / document map* dan *mendeley*. *Zero Draft Of Thesis* (ZDOT) merupakan akronim kepada satu teknik yang digunakan dalam memulakan penulisan proposal serta penulisan tesis. Terdapat juga teknik pembinaan jadual, rajah, kandungan, pengasingan bab serta memasukkan petikan dan rujukan turut dibincangkan dalam buku ini. Melalui penulisan buku ini akan dapat membantu meningkatkan kemahiran penulisan manuskrip ilmiah bukan sahaja dalam kalangan pelajar sarjana dan kedoktoran tetapi juga boleh diaplikasikan dalam penulisan buku, artikel, rencana, laporan serta projek.